

KHUTBAH JAUHI AJARAN SESAT

04 OGOS 2023 / 17 MUHARAM 1444H

اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ. وَنَعُوذُ بِاللّٰهِ مِنْ شُرُورِ أَنفُسِنَا وَمِنْ سَيِّئَاتِ

أَعْمَالِنَا. مَن يَهْدِهِ اللّٰهُ فَلَا مُضِلٌّ لَّهُ وَمَن يُضْلِلُ فَلَا هَادِيَ لَهُ.

وَأَشْهُدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللّٰهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهُدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.

اللّٰهُمَّ صَلِّ وَسِلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَاصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ،

فِيَا عِبَادَ اللّٰهِ، إِتَّقُوا اللّٰهَ وَأُوصِيكُمْ وَإِيَّاهُ يَتَّقُوا اللّٰهُ، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Marilah kita bersama-sama meningkatkan ketakwaan kepada Allah Subhanahu wa-Ta'ala dengan melaksanakan segala perintah dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita diberkati Allah Subhanahu wa-Ta'ala di dunia dan akhirat.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa-Ta'ala

Allah Subhanahu wa Taala mengutus para Nabi kepada umat, bertujuan untuk mengelakkan manusia daripada terjebak dengan syirik dan ajaran sesat. Ajaran sesat bermaksud suatu pemikiran, perlakuan dan pegangan yang bercanggah dengan syariat Islam. Firman Allah Subhanahu wa Taala dalam Surah Ali Imran ayat 19:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَنِ الرَّجِيمِ

إِنَّ الدِّينَ عِنْدَ اللَّهِ الْإِسْلَامُ ۚ وَمَا اخْتَلَفَ الَّذِينَ أُوتُوا الْكِتَابَ إِلَّا مِنْ بَعْدِ مَا

جَاءَهُمُ الْعِلْمُ بَغْيًا بَيْنَهُمْ ۖ وَمَن يَكْفُرْ بِآيَاتِ اللَّهِ فَإِنَّ اللَّهَ سَرِيعُ الْحِسَابِ

Yang bermaksud: “Sesungguhnya agama (yang benar dan direndai) di sisi Allah ialah Islam. Dan orang (Yahudi dan Nasrani) yang diberikan Kitab itu tidak berselisih (mengenai agama Islam dan enggan menerimanya) melainkan setelah sampai kepada mereka pengetahuan yang sah tentang kebenarannya; (perselisihan itu pula) semata-mata kerana hasad dengki yang ada dalam kalangan mereka. Dan (ingatlah), sesiapa yang kufur ingkar akan ayat-ayat keterangan Allah, maka sesungguhnya Allah Amat segera hitungan hisab-Nya.”

Kebiasaan mereka, ajaran sesat mempunyai ciri yang sama, seperti taksub kepada pandangan pemimpin, mentafsirkan ayat al-Quran secara salah, kerap membuat ramalan seperti kemunculan Imam Mahdi, ritual yang pelik, sihir, syariat yang

ditukar seperti tidak mewajibkan solat, malah yang paling membahayakan ialah mengajak pengikutnya bertindak ganas kepada yang menentang mereka.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa-Ta’ala

Baru-baru ini telah tular dalam media, satu ajaran sesat yang berlaku di Pondok Modern al-Zaytun di Jawa Barat Indonesia. Ajaran ini diasaskan oleh Abdussalam Rasyidi atau lebih dikenali Panji Gumilang. Dibangunkan sejak 1996, terdapat 7,000 orang pelajar termasuklah pelajar dari Malaysia, Singapura dan Afrika Selatan.

Antara ciri-ciri ajaran sesat dalam kumpulan ini ialah mewujudkan satu mazhab baru, iaitu Mazhab Bung Karno. Mereka mendakwa bahawa Al-quran itu bukan firman Allah Subhanahu wa Taala tetapi adalah merupakan sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi wa Sallam. Mereka juga melaksanakan Solat Sunat Aidilfitri bercampur saf antara lelaki, wanita dan bukan Islam serta mereka melantik wanita sebagai Khatib Jumaat. Mereka menyebarkan salam seperti cara Yahudi sambil menyanyi dan juga mentafsirkan al-Quran mengikut logik akal.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa-Ta’ala

Mesyuarat Jawatankuasa Perundingan Hukum Syarak Negeri Pahang Bil. 1/2009 yang bersidang pada 27 Februari 2009 telah mengharamkan kumpulan yang

dikenali sebagai Pemuda Kahfi. Kumpulan ini meneroka kawasan di hutan dan mengumpulkan pengikutnya serta mengasingkan diri daripada masyarakat bagi mengamalkan ajarannya. Menggunakan ayat Al-quran dengan tafsiran mengikut keperluan kumpulan mereka. Semua perintah ketua mereka adalah sama perintah Allah Subhanahu wa Taala yang wajib dipatuhi. Mereka mendakwa kerasulan dan kenabian tidak berakhir. Setiap muslim yang tidak mengikut mereka dianggap kafir dan halal darahnya.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Pahang sentiasa menasihati seluruh umat Islam di negeri ini supaya menjauhi dan tidak terpengaruh dengan ajaran seperti ini. Baginda sentiasa mengajak umat Islam di negeri ini untuk solat berjemaah di masjid serta mendengar kuliah-kuliah ilmu yang disampaikan oleh guru-guru yang bertauliah.

Allah Subhanahu wa Taala berfirman dalam Surah Al-Isra' ayat 41:

وَلَقَدْ صَرَّفْنَا فِي هَذَا الْقُرْءَانِ لِيَذَّكَّرُوا وَمَا يَزِيدُهُمْ إِلَّا نُفُورًا ﴿٤١﴾

Yang bermaksud: “*Dan sesungguhnya Kami telah menerangkan jalan-jalan menetapkan iktikad dan tauhid dengan berbagai cara di dalam Al-Quran ini supaya mereka beringat (memahami dan mematuhi kebenaran); dalam pada itu, penerangan yang berbagai cara itu tidak menjadikan mereka melainkan bertambah liar.*”

Hayatilah pesanan Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi wa Sallam seperti yang diriwayatkan dalam Kitab Muwatto' Imam Malik:

تَرَكْتُ فِيْكُمْ أَمْرَيْنِ لَنْ تَضِلُّوا مَا تَمَسَّكْتُمْ بِهِمَا كِتَابَ اللَّهِ وَسُنْنَةَ نَبِيِّهِ

Yang bermaksud: “Aku tinggalkan kepada kamu dua perkara yang mana kamu tidak akan sesat selagi mana berpegang kemas dengan kedua-duanya. Al-Quran dan Sunnah Nabi Sallallahu Alaihi wa Sallam.”

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَنِ الرَّجِيمِ

إِلَيْوْمَ أَكْمَلْتُ لَكُمْ دِينَكُمْ وَأَتْمَمْتُ عَلَيْكُمْ نِعْمَتِي وَرَضِيتُ لَكُمُ الْإِسْلَامَ دِينًا

Yang bermaksud: “... Pada hari ini, Aku telah sempurnakan bagi kamu agama kamu, dan Aku telah cukupkan nikmatKu kepada kamu, dan Aku telah redakan Islam itu menjadi agama untuk kamu...”

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْءَانِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الآيَاتِ

وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتُهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ

قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ
وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.